



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 9/2011

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PERATURAN BAGI PEMBERIAN
ELAUN PELAJARAN DAN TAMBANG (PINDAAN)**

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa peraturan bagi pemberian Elaun Pelajaran dan Tambang bagi pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang dikawal melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 14/2004 adalah dipinda khususnya ke atas peraturan pemberian Elaun Pelajaran bagi pendidikan di peringkat tertiar di institusi pengajian swasta di dalam negeri yang diberikan kebenaran dan pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan seperti berikut:

2. KATEGORI PERKHIDMATAN PEGAWAI YANG LAYAK

- 2.1. Pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:
 - 2.1.1. Pegawai dan kakitangan lelaki dalam perkhidmatan tetap, berkontrak, sebulan kesebulan, atau *open vote*; dan
 - 2.1.2. Pegawai dan kakitangan perempuan dalam perkhidmatan tetap, berkontrak, sebulan kesebulan atau *open vote* yang suami mereka tidak menerima kemudahan Elaun Pelajaran di tempat mereka bekerja atau telah menjadi balu atau janda dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas anak mereka.
- 2.2. Pegawai dan kakitangan yang bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:
 - 2.2.1. Pegawai dan kakitangan lelaki dalam perkhidmatan berkontrak; dan
 - 2.2.2. Pegawai dan kakitangan perempuan dalam perkhidmatan berkontrak yang telah menjadi balu atau janda dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas anak mereka.
- 2.3. Pegawai dan kakitangan lelaki dan perempuan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perkhidmatan tetap, berkontrak, sebulan kesebulan, atau *open vote* serta pegawai dan kakitangan lelaki dan perempuan yang bukan rakyat dalam perkhidmatan berkontrak yang bujang yang mengangkat anak secara rasmi serta bertanggungjawab sepenuhnya ke atas anak mereka.




-2-

3. ELAUN PELAJARAN

- 3.1. Elaun Pelajaran akan dibayar kepada anak-anak pegawai dan kakitangan yang berkeelayakan seperti di perenggan 2 di atas yang menuntut di sekolah atau institusi pengajian secara sepenuh masa sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam yang ada mengenakan bayaran sekolah dan bayaran tempat tinggal (jika ada). Elaun Pelajaran tidak akan diberikan jika anak-anak pegawai atau kakitangan tersebut menuntut di sekolah atau institusi pengajian secara percuma.

4. HAD UMUR SERTA KADAR PEMBERIAN ELAUN PELAJARAN DI DALAM DAN LUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- 4.1. Had umur dan kadar Elaun Pelajaran yang akan diberikan kepada anak-anak pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:
- 4.1.1. Elaun Pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang berumur dari 5 tahun jika menuntut di dalam negeri dan 10 tahun jika menuntut di luar negeri sehingga anak itu mencapai umur 25 tahun. Bagi anak-anak pegawai dan kakitangan yang mengikuti Ijazah Doktor Falsafah Ph.D (*Doctorate*), maka dibolehkan menuntut Elaun Pelajaran sehingga mencapai umur 28 tahun;
 - 4.1.2. bagi yang menuntut di luar negeri, Elaun Pelajaran yang dibayar adalah seperti yang dituntut tetapi tidak melebihi \$800.00 sebulan bagi seorang anak;
 - 4.1.3. bagi yang menuntut di dalam negeri, Elaun Pelajaran dibayar \$120.00 sebulan bagi seorang anak, termasuk anak yang menuntut di Jerudong International School. Bagaimanapun bagi anak yang menuntut dalam Tahun 7 dan ke atas di Jerudong International School akan dibayar \$800.00 sebulan; dan
 - 4.1.4. Kadar Elaun Pelajaran bagi peringkat tertiar akan dibayar mengikut peringkat dan kategori kursus seperti Kursus Sijil, Diploma, Diploma Tertinggi dan Ijazah yang diikuti di Institusi Pengajian Swasta di negara ini (yang diberikan kebenaran dan pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan) seperti berikut :


.. 2 / 6



-3-

PERINGKAT KELULUSAN	KADAR ELAUN PELAJARAN SEBULAN (Kursus Bisnes)	KADAR ELAUN PELAJARAN SEBULAN (Kursus 'Computing')
Ijazah Pertama (First Degree)	\$500.00	\$500.00
Foundation	\$450.00	\$450.00
Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma)	\$300.00	\$400.00
Diploma Lanjutan/Sijil Tertinggi (Advanced Diploma/Higher Certificate/HNC)	\$200.00	\$350.00
Diploma (Diploma / ND)	\$250.00	\$250.00
Pra Diploma (Pre Diploma / PND)	\$170.00	\$170.00
Sijil (Certificate / NC)	\$170.00	\$170.00

- 4.2. Kadar Elaun Pelajaran yang akan diberikan kepada anak-anak pegawai dan kakitangan yang bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan had umur adalah seperti berikut:

Negara Tempat Belajar	Kadar Elaun Pelajaran				Had Umur
Luar Negeri	Pegawai-pegawai yang membayar tempat tinggal* untuk anak-anak mereka		Pegawai-pegawai yang tidak membayar tempat tinggal untuk anak-anak mereka/anak-anak yang belajar di sekolah harian		5 tahun sehingga mencapai umur 21 tahun
	Bahagian I dan II	Bahagian III, IV dan V	Bahagian I dan II	Bahagian III, IV dan V	
	Dibayar seperti yang dituntut tetapi tidak melebihi \$800.00 bagi seorang anak	Dibayar seperti yang dituntut tetapi tidak melebihi \$400.00 bagi seorang anak	Dibayar seperti yang dituntut tetapi tidak melebihi \$400.00 bagi seorang anak	Dibayar seperti yang dituntut tetapi tidak melebihi \$250.00 bagi seorang anak	
Dalam Negeri	Sekolah berbayar	\$120.00 bagi seorang anak			
	Jerudong International School	Bahagian I dan II	Bahagian III, IV dan V		
		\$800.00 bagi seorang anak	\$400.00 bagi seorang anak		

* bayaran tempat tinggal bermaksud apa jua jenis tempat kediaman yang dikenakan bayaran kecuali rumah sendiri pegawai tersebut di negara kerakyatannya.



-4-

5. PEMBERIAN TAMBANG BAGI PENUNTUT YANG MENERIMA ELAUN PELAJARAN DAN BELAJAR DI LUAR NEGARA BRUNEI DARAUSSALAM

- 5.1. Peraturan pemberian tambang bagi penuntut yang menerima Elaun Pelajaran dan belajar di luar Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:
- 5.1.1. Anak-anak pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menuntut di luar Negara Brunei Darussalam boleh diberikan tambang termurah pergi-balik dari tempat belajar ke Negara Brunei Darussalam bagi tiap-tiap tahun akademik;
 - 5.1.2. Pegawai dan kakitangan berkontrak yang bukan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian I dan II boleh diberikan tambang termurah penuntut pergi-balik daripada negara kerakyatan pegawai atau dari tempat anak pegawai dan kakitangan bersekolah, mana-mana yang lebih murah ke Negara Brunei Darussalam dalam tiap-tiap satu (1) tahun kalendar perkhidmatan bagi dua (2) orang anak sahaja. Bagi pegawai dan kakitangan yang mempunyai kontrak perkhidmatan tidak kurang daripada dua (2) tahun hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk layak menerima tambang ini; dan
 - 5.1.3. Bagi anak-anak pegawai dan kakitangan yang telah menerima Elaun Pelajaran hendaklah menggunakan tambang murah ini sahaja dan tidak lagi berhak menerima tambang yang lain seperti tambang kontrak dan elaun cuti.

6. SYARAT-SYARAT AM

- 6.1. Syarat-syarat am bagi pemberian Elaun Pelajaran untuk anak-anak yang belajar di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:
- 6.1.1. Jumlah maksima anak yang boleh diberikan Elaun Pelajaran bagi semua kategori adalah seramai empat (4) orang pada satu masa;
 - 6.1.2. Elaun Pelajaran di dalam negeri hanya akan diberikan kepada anak-anak yang belajar di sekolah yang berbayar yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan;
 - 6.1.3. Pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan berkontrak sama ada terdiri daripada rakyat atau bukan rakyat hanya akan menerima Elaun Pelajaran bagi anak-anak mereka jika tempoh kontrak melebihi satu tahun;



-5-

- 6.1.4. Elaun Pelajaran ini akan terus diberikan kepada anak-anak pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sedang menerima elaun tersebut apabila ibu atau bapa mereka (yang sebelumnya layak mendapat elaun ini untuk mereka) meninggal dunia tanpa menghiraukan sama ada ibu atau bapa itu berkahwin semula;
- 6.1.5. Pegawai dan kakitangan perempuan yang berkontrak yang bukan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menjadi balu atau janda tidak layak menuntut Elaun Pelajaran setelah berkahwin semula;
- 6.1.6. Pegawai dan kakitangan yang anak mereka menerima bantuan lain terhadap pelajaran mereka misalnya dermasiswa atau biasiswa tidak akan berhak mendapat elaun ini kecuali bantuan yang diterima kurang jumlahnya dari yang ianya berhak;
- 6.1.7. Elaun Pelajaran tidak akan diberikan kepada anak-anak angkat pegawai dan kakitangan berkontrak kecuali anak-anak angkat itu bersekolah di Negara Brunei Darussalam;
- 6.1.8. Elaun Pelajaran bagi anak-anak pegawai dan kakitangan yang bersekolah di Jerudong International School dan Institusi Pengajian Tertiri Swasta akan dibayar terus ke sekolah berkenaan;
- 6.1.9. Borang-borang permohonan bagi Elaun Pelajaran hendaklah dihadapkan kepada Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan melalui Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan dan hendaklah diperbaharui pada setiap tahun akademik. Pembayaran akan dilakukan melalui bayaran gaji hanya setelah mendapat kebenaran dari Jurukira Agung;
- 6.1.10. Bagi keperluan perenggan 6.1.4. di atas, penjaga anak berkenaan hendaklah menghubungi Jurukira Agung bagi urusan pembayaran; dan
- 6.1.11. Setiap pegawai dan kakitangan adalah dikehendaki memaklumkan Jurukira Agung melalui Setiausaha Tetap / Ketua Jabatannya sebarang perubahan terhadap pelajaran seseorang anak yang menerima Elaun Pelajaran. Setiausaha-Setiausaha Tetap / Ketua-Ketua Jabatan hendaklah mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan bahawa semua keterangan adalah betul.



-6-

7. PEMBATALAN SURAT KELILING

7.1. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 14/2004 bertarikh 03 Zulkaedah 1425 bersamaan dengan 15 Disember 2004 adalah dengan ini dibatalkan pada 1 Januari 2012.

8. TARIKH KUATKUASA

8.1. Peraturan ini mula berkuatkuasa pada **1 Januari 2012**.

9. Sebarang pertanyaan hendaklah ditujukan kepada Yang Mulia Jurukira Agung.

Sekianlah sahaja yang dapat disampaikan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“KELUARGA BAHAGIA HIDUP BERJAYA”

[HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (9) JPM/SK/2011
Tarikh : 17 Syaaban 1432
19 Julai 2011